

Kami perlukan anda untuk mengendali antimikrobial dengan cermat



ANTIMIKROBIAL UBAT YANG PENTING

untuk mengawal dan merawat jangkitan pada kedua-dua manusia dan haiwan.



TETAPI IANYA SEMAKIN KEHILANGAN **EKASINYA**

pada kadar yang semakin meningkat.

- Risiko agen penyebab-penyakit untuk membentuk rintangan terhadap antimikrobial meningkat apabila ubat yang berharga ini digunakan dengan cara yang tidak wajar. Bila bakteria menjadi rintang, antimikrobial menjadi tidak berkesan dan tidak boleh digunakan untuk merawat penyakit ini. Fenomena ini dipanggil rintangan antimikrobial (AMR).
- AMR merupakan suatu ancaman kepada kesihatan dan kebajikan manusia dan haiwan, samada akuatik maupun daratan. Walau bagaimanapun, pembentukan antimikrobial baharu tidak dapat mengejar kepantasan peningkatan rintangan.
- Mengekalkan kebolehdapatan dan efikasi kelas antimikrobial sedia ada secara berterusan adalah sangat penting. Pengendalian ubat berharga ini secara bertanggungjawab dan berhemah berpandukan Piawaian Antarabangsa OIE akan dapat membantu mengekalkan efikasi dan kebolehdapatannya demi kesihatan manusia dan haiwan.

**KAMI PERLUKAN
ANDA**

“ KITA SEMUA MEMPUNYAI PERANAN UNTUK DIMAINKAN, DAN **ANDA** SELAKU **PENGEDAR** ANTIMIKROBIAL, **BOLEH MEMBANTU** ”



- Kita perlu bersama-sama pastikan penggunaan antimikrobial dalam haiwan secara bertanggungjawab dan berhemah untuk mengekalkan kebolehdapatan dan efikasinya serta dengan itu dapat menjamin kesihatan dan kebajikan manusia serta haiwan.

- Menangani rintangan patogen terhadap antimikrobial adalah objektif utama Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (OIE). OIE menyokong penggunaan agen antimikrobial yang bertanggungjawab dan berhemah melalui Piawaian Antarabangsanya – penting kepada kesihatan dan kebajikan manusia dan haiwan – oleh semua pengamal kesihatan haiwan, termasuk pengedar borong dan runcit.



Pengedar borong dan runcit: Anda Sentinel



Pengedar borong
dan runcit

- Oleh kerana anda seorang pengedar drug seperti antibiotik ada tanggungjawab bersama, anda perlu sedar tentang kepentingan memelihara efikasi dan kebolehdapatan antimikrobial. Anda perlu sedar betapa pentingnya mengedar hanya antimikrobial yang berkualiti tinggi dan sentiasa atas preskripsi veterinar sahaja.
- Penggunaan bertanggungjawab dan berhemah termasuk melaksanakan langkah praktikal dan syor bertujuan bagi meningkatkan kesihatan dan kebajikan haiwan, dalam masa yang ssama mengelak atau mengurangkan seleksi, kemunculan dan penularan rintangan antimikrobial.
- Pemasaran dan pengedaran antimikrobial terletak ke atas tanggungjawab dan kawalan anda. Kepimpinan dan pengaruh anda adalah menjadi paksi perjuangan ini, maka buktikanlah profesionalisme dan komitmen anda kepada sektor ini.

Pengedar borong dan runcit haruslah :

- 1 Hanya menggunakan ubat-ubatan dari **sumber yang diluluskan** sahaja.
- 2 Antimikrobial veterinar hendaklah diuruskan selaras dengan amalan **penyimpanan dan pengangkutan yang baik**.
- 3 Pastikan pengedaran antimikrobial dibuat setelah mempunyai **preskripsi dari doktor veterinar yang sah sahaja** termasuk sekiranya berkenaan penjualan atas talian yang di bawah kawalseliaan kerajaan.
- 4 Pastikan produk **dilabel dengan betul**. Sediakan maklumat yang jelas dan betul mengenai penggunaan produk, tarikh luput dan tempoh penarikan.
- 5 Patuhi kepada **kod pengiklanan** yang selaras dengan prinsip penggunaan yang bertanggungjawab dan berhemah.
- 6 Simpan **rekod dengan terperinci** (pembekal, pemberi preskripsi, pengguna, nama produk, nombor kumpulan, kuantiti, jangka hayat) bagi membolehkan dayajejak.
- 7 Bekerjasama dengan pihak berkuasa yang kompeten dan **berikan data jualan yang terperinci** bagi pemantauan penggunaan antimikrobial.
- 8 Pastikan semua staf **berkelayakan** secukupnya. Libatkan dan sediakan **latihan** mengenai penyimpanan, pengangkutan dan pelupusan antimikrobial yang betul.



Funded by
UK Government

2



WORLD ORGANISATION FOR ANIMAL HEALTH
Protecting animals, preserving our future